

20 MAR 1996

Ting-CF

PEMAJU DIARAH DAPATKAN PERAKUAN TUJUH JABATAN SEBELUM MOHON CF

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Pemaju projek perumahan diarahkan mendapatkan perakuan tujuh jabatan berkaitan terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan Sijil Layak Diduduki (CF) supaya pengeluarannya dapat dipercepatkan.

Tujuh jabatan yang terlibat ialah Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pembentungan, Jabatan Bomba dan Jabatan Bekalan Elektrik, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr. Ting Chew Peh kepada pemberita di sini, hari ini.

Ting berkata dengan perakuan yang diperolehi itu, proses untuk mengeluarkan CF akan dapat dipercepatkan, dalam masa 14 hari sahaja.

Semalam, semasa di Langkawi, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan kesalnya dengan kelewatan pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri mengeluarkan CF kepada pemaju yang telah menyiapkan pembinaan bangunan mereka.

"Saya telah mengarahkan pegawai-pegawai kementerian untuk memaklumkan perkara itu kepada pihak berkuasa tempatan. Jika permohonan itu tidak lengkap (tanpa perakuan dari jabatan berkaitan), pihak berkuasa tempatan tidak boleh mengeluarkan CF" kata Ting.

Sebelum ini, kerajaan menetapkan masa untuk mengeluarkan CF kepada pemaju dalam tempoh enam bulan selepas bangunan siap namun terdapat beberapa pihak berkuasa tempatan yang gagal mematuhinya.

Ketika ditanya mengenai sebab kelewatan, Ting berkata ada kemungkinan besar ia disebabkan permohonan yang diajukan tidak lengkap yang memerlukan pihak berkuasa tempatan merujuk kepada jabatan-jabatan berkaitan.

Beliau juga berkata bahawa kerajaan tidak pernah mengeluarkan arahan kepada pihak berkuasa tempatan supaya menahan pengeluaran CF dengan alasan yang tidak berkaitan seperti kegagalan pemaju memenuhi kuota pembeli bumiputera.

Mengenai beberapa hotel di Langkawi yang beroperasi tanpa CF, Ting berkata secara sahnya bangunan tersebut sepatutnya tidak layak diduduki atas sebab-sebab keselamatan.

"Bagaimanapun kebanyakan bangunan itu mempunyai CF sementara yang menunjukkan ia selamat diduduki," katanya. -- BERNAMA

HJ NMO